575:
PELAJARAN (BERNAMA EX)
1974

IPOH, 16 SEPTEMBER (BERNAMA)-- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MEMBERI JAMINAN BBAHAWA SEMUA PERKARA-PERKARA MENGENAI PELAJARAN YANG MENIMBBULKAN PERSOALAN AKAN DISIASAT SEDALAM-DALAMNYA.

BELIAU MEMBERITAHU BERNAMA SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG UNTUK BERUCAP DI HARI PENYAMPAIAN HADIAH SEKOLAH TUANKU ABDUL RAHMAN,DI SINI, BELIAU TIDAK AKAN MEMBENARKAN SEBARANG PENYELEWENGAN
BERLAKU TERHADAP DASAR PELAJARAN SEKARANG.

KATANYA: +SAYA AKAN MEMBERIKAN GARISAN-GARISAN YANG JELAS MENGENAI SEMUA KAEDAH DASAR TERSEBUT SUPAYA TIDAK TIMBBUL SALAH FAHAM MENGENAI PERKARA-PERKARA YANG TELAH DIPERSETUJUI+.

DR, MAHATHIR MENAMBAH, SEMUANYA TELAH DIJALANKAN UNTUK MEMPERCEPATKAN PENGAMBILAN GURU-GURU UNTUK DILATIH.

SATU KAJIAN SEDANG DIJALANKAN DI BBEBERAPA BUAH SEKOLAH YANG TIDAK DAPAT MENJALANKAN RANCANGAN LATIHANNYA DISEBABKAN KEKURANGAN PENUNTUT.

MENGENAI HUKUMAN ROTAN DI SEKOLAH, DR. MAHATHIR BERKATA, DISIPLIN MESTILAH DIKEKALKAN TETAPI MENJAMIN BAHAWA PIHAK SEKOLAH TIDAK AKAN MENYALAHGUNAKAN
KUASA MEREKA.--BERNAMA 1516/IB